

Negara menghadapi serangan penjajahan cara moden — Dr. M

OM 18 JUL 1986

P
MELAKA 17 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa negara ini sekarang sedang menghadapi satu bentuk serangan penjajahan cara moden yang lebih merbahaya dari serangan Portugis ke atas Melaka dahulu.

Penjajahan cara moden ini, katanya, adalah meliputi penjajahan terhadap ekonomi, pengaruh kebudayaan dan pengaruh politik negara ini oleh kuasa-kuasa asing.

Berucap merasmikan Replika Istana Kesultanan Melayu Melaka di sini, Perdana Menteri berkata, penjajah - penjajah moden ini ingin merebut kuasa supaya dapat didirikan sebuah kerajaan yang lebih mirip kepada penjajahan cara moden.

Katanya perjuangan negara ini sekarang tidak kurang pentingnya daripada

perjuangan mempertahankan Negeri Melaka dari serangan Portugis dahulu.

"Sebenarnya, keadaan kita sekarang adalah lebih bahaya kerana ramai yang ingin menggagalkan kerajaan kita, ramai yang ingin sekali lagi menjajah kita," ujarnya.

Penjajahan cara moden ini tidak lagi merupakan penghantaran sebuah angkatan tentera untuk menakluk sebuah jajahan tetapi melalui ekonomi, pengaruh kebudayaan dan politik melalui pengaruh politik - politik asing yang mencukupi menakluki sebuah wilayah, katanya.

"Mereka akan memilih orang - orang yang sanggup mengikut telunjuk mereka dan orang ini akan diberi didikan dan galakan serta diberi ongkos yang cukup untuk merebut kuasa su-

paya dapat mendirikan sebuah kerajaan yang mirip kepada penjajahan moden," tambah beliau.

Perkara ini, katanya, telah berlaku di beberapa buah negara di Asia umpamanya Kerajaan Kampuchea yang duduk di bawah telunjuk Vietnam begitu juga kerajaan boneka Russia di Afghanistan.

Beliau juga menyebut mencontoh kerajaan - kerajaan di Amerika Tengah yang mana kuasa - kuasa asing telah menguasai kerajaan - kerajaan di situ dengan menggunakan wang dan lain - lain.

Bagi mengelakkan negara ini dari tunduk kepada ancaman yang sedemikian rupa, Perdana Menteri menyeru masyarakat seluruhnya menyusun diri sendiri supaya segala pengaruh, segala usaha untuk menjajah kita semula dapat dihin-

darkan.

"Dalam bidang politik, umpamanya, kita hendaklah menentukan bahawa kita dapat memerintah dengan cukup berkesan," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, negara ini bertuah kerana mempunyai kerajaan yang cukup kuat, yang sanggup berdiri tegak menghadapi apa juga peristiwa walaupun ia boleh menyakitkan hati kuasa-kuasa yang lebih besar.

Sebagai contoh, katanya, negara ini telah mengambil keputusan untuk tidak menyertai Sukan Komanwei yang akan diadakan di Edinburgh kerana tidak bersetuju dengan dasar yang dibuat oleh pihak Britain terhadap Afrika Selatan.

LIHAT MUKA 6

Negara hadapi penjajahan moden

UM 18 JUL 1986

Walaupun ia merupakan tindakan yang kecil tetapi membawa makna yang besar menunjukkan kebebasan negara ini dari pengaruh - pengaruh luar sama ada Barat atau Timur.

"Britain adalah suatu kuasa besar. Tetapi kita tidak gentar, kita boleh menentukan pendirian kita dengan mengikut kehendak kita sendiri," katanya.

"Kalau kita tidak mempunyai pendirian yang tersendiri, kalau kita tidak bebas, maka kita kena tunduk kepada tekanan - tekanan daripada kuasa - kuasa besar," katanya.

Ketegasan kerajaan ini adalah kerana Malaysia mempunyai kerajaan yang kukuh dan kuat yang dipilih oleh rakyatnya sendiri.

Katanya, kalau kerajaan negeri ini lemah dan mempunyai majoriti yang hanya satu atau dua kerusi, orang lain dapat mempengaruhi lebih majoriti yang kecil itu untuk menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang.

Beliau berkata bahawa pentadbiran negara ini semakin kemas susunannya dan boleh menentukan kesan pemerintahan yang sedia ada.

Ini terbukti dengan pembangunan pesat yang dialami sejak merdeka berbanding dengan pembangunan yang dapat dilakukan berbagai penjajah semasa menjajah negara ini selama 400 tahun.

Dalam pada itu, katanya, negara ini hendaklah elakkan diri dari berpecah-belah yang boleh menyebabkan kelemahan sebagaimana berlaku di zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Menurut Perdana Menteri, kejatuhan Melaka di tangan penjajah dahulu juga disebabkan oleh kerana kelalaian kerajaan mempelajari selok-belok serta ke-

lengkapan senjata moden yang telah dipergunakan oleh Portugis.

Mengenai Replika Istana Kesultanan Melaka, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ia adalah merupakan satu usaha kerajaan Negeri Melaka memperingati seluruh penduduk ini tentang sejarah negara ini.

Sejarah katanya, mempunyai peranan yang penting dalam membentuk peribadi dan mempunyai ba-

nyak pengajaran yang mana kalau tidak dipelajari masyarakat akan didera dengan mengulangi liku-liku sejarah yang tidak baik yang telah dilalui oleh generasi lama.

Di samping itu, tambahnya, masyarakat di zaman kini hendaklah mencapai sesuatu pencapaian yang lebih baik dari pernah yang dicapai di zaman kegemilangan yang telah menjadi sejarah.